

11 NOV 2001

BUKAN MELAYU DALAM BN TAK PERLU BIMBANG, KATA PM

PUTRAJAYA, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kaum bukan Melayu dalam Barisan Nasional (BN) tidak perlu bimbang dengan kedudukan mereka dalam gabungan itu walaupun jumlah mereka di negara ini merosot.

Katanya, BN mengiktiraf semua kaum di negara ini dan semua kaum juga diwakili dalam BN.

"Bagaimanapun kita lihat dalam parti-parti lain, walaupun dikatakan parti itu tidak mengambilkira kaum, tetapi yang sebenarnya kita melihat diskriminasi yang cukup ketara dalam parti-parti lawan terhadap kaum-kaum yang lain," katanya kepada pemberita selepas menyertai kejohanan menunggang lasak antarabangsa PDRM/TNB 2001 di Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, diminta mengulas kenyataan presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dalam akhbar hari ini mengenai kebimbangannya tentang kemerosotan jumlah penduduk kaum Cina dan India di negara ini yang mungkin menjurus kepada pembubaran parti politik bukan Melayu.

Dr Mahathir berkata beliau tidak fikir parti-parti politik bukan Melayu di negara ini akan dibubarkan sebagaimana yang dibimbangi oleh Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya.

-- BERNAMA  
AFY AZZ MOZ